

PERANAN AKHBAR MEMBENTUK BELIA BERWAWASAN

AKMAR HAYATI AHMAD GHAZALI, SITI ZOBIDAH OMAR
& LATIFAH ABD LATIP

ABSTRAK

Terdapat pelbagai maklumat yang dimuatkan dalam akhbar yang berupaya menambah dan meningkatkan pengetahuan belia. Namun demikian, penerimaan belia terhadap akhbar semakin menurun kerana faktor kurangnya minat membaca medium tersebut. Keadaan ini amat membimbangkan terutamanya dalam menyokong aspirasi kerajaan Malaysia untuk mewujudkan masyarakat berpengetahuan menjelang tahun 2020. Kerana itulah, kajian ini dijalankan untuk; mengenal pasti maklumat yang kerap diterbitkan di dalam akhbar; mengetahui maklumat yang kerap dibaca oleh belia; dan mengenal pasti faktor kepercayaan dalam akhbar. Penyelidikan telah dijalankan terhadap 387 orang belia di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan menggunakan borang soal selidik. Hasil kajian menunjukkan bahawa maklumat yang kerap diterbitkan dalam akhbar ialah isu jenayah. Maklumat yang kerap dibaca oleh belia pula berupa berita hiburan, berita jenayah dan berita sukan. Dalam pada itu, hasil kajian menunjukkan akhbar hanya mengandungi elemen-elemen kepercayaan seperti pemilihan fakta, pemilihan topik, kebenaran berita, kredibiliti dan kesejahteraan masyarakat. Menjadi harapan agar hasil kajian ini dimanfaatkan oleh institusi akhbar dalam menerbitkan maklumat. Maklumat tersebut bukan sahaja dapat membentuk belia bermaklumat malah maklumat tersebut haruslah merupakan maklumat yang dipercayai faktanya.

Kata Kunci: Surat Khabar, Belia, Berita, Maklumat, Kepercayaan

ABSTRACT

There are abundance of information in the newspaper to enhance the youths' knowledge. However, today the youths' acceptance of newspaper is declining due to the lack of interest in the print media. This situation is alarming especially in supporting the Malaysian government aspirations to create a knowledgeable society by the year 2020. Thus, the study was conducted with the objectives of identifying information regularly published; to identify the types of news chosen by teenagers and to identify the factors that they believe in newspaper. A total of 387 youths in the Federal Territory, Kuala Lumpur were selected to be the respondents. The result shows that criminal news regularly published in the newspaper. At the same time, entertainment and health news were the most preferred news in the newspaper. The results also indicates that newspaper is accepted by the youths due to their belief factor such as selection of facts, selection of topics, news believability, credibility

and social concern. It is hoped that the results of this study will be able to assist the newspaper institutions to publish information where the information is important and reliable.

Keywords: *Newspapers, Youth, News, Information, Belief*

PENGENALAN

Akhbar berperanan menyampaikan maklumat terkini kepada pembaca. Ia juga dianggap sebagai nadi berita (Martinson & Hindman, 2005) dan tempat untuk khalayak menyuarakan pendapat (Siti Rodziah, 2009) mengenai pelbagai isu seperti isu ekonomi, politik dan sosial. Akhbar berperanan menyalurkan maklumat kepada masyarakat (McQuail, 2005) untuk membantu kerajaan membangunkan sosioekonomi negara, mencorak pemikiran, dan membentuk sikap masyarakat khususnya belia ke arah menjadi warganegara yang berakhlak dan berwawasan (Aminudin, Mohamad Basri & Nik Yusri, 2009). Seharusnya usaha murni akhbar ini disokong oleh segenap lapisan masyarakat supaya akhbar terus kekal menjadi saluran utama penyalur maklumat.

PERNYATAAN MASALAH

Walaupun akhbar merupakan medium utama menyalurkan maklumat, ia semakin kurang mendapat tempat dalam kalangan belia. Kajian oleh Jafre, Majis dan Anita (2011), menunjukkan hanya 38% belia masa kini yang membaca akhbar berbanding 54 peratus pada tahun 2008 (Nielsen, 2008). Penurunan ini berpunca daripada kurangnya minat membaca akhbar (Yahya & Wan Mat, 2011) yang disebabkan oleh kandungan berita dan maklumat di dalam Internet mempunyai lebih kebolehpercayaan seperti kredibiliti berbanding akhbar (Johnson & Kaye, 2002, Heflin, 2010). Kajian oleh Mohd Khairie, Mohd Baharudin, Suhaini, dan Mohd Hafidz (2005), menunjukkan media konvensional masih diterima oleh belia kerana adanya elemen kebolehpercayaan. Namun begitu, dari segi turutan tahap kebolehpercayaan didapati akhbar berada di tangga terakhir berbanding televisyen dan radio. Secara signifikannya menunjukkan bahawa akhbar semakin kurang diterima kerana kurang menerapkan faktor kebolehpercayaan. Situasi ini seharusnya tidak dipandang remeh oleh akhbar. Perancangan yang rapi perlu dibuat untuk menarik kembali perhatian dan kepercayaan belia terhadap akhbar kerana masa depan akhbar terletak dalam tangan mereka (Graybeal, 2011). Jika peratusan belia yang membaca akhbar terus menurun dikhuatiri akhbar akan hanya tinggal nama sahaja dan mungkin institusi akhbar akan kehilangan pembaca belia buat selama-lamanya (Speckman, 2006 dalam Huang, 2009).

OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya objektif kajian ini ialah untuk mengenal pasti peranan akhbar dalam membentuk belia berwawasan. Manakala objektif khusus kajian pula adalah untuk:-

- 1) Mengetahui maklumat yang kerap diterbitkan di dalam akhbar;
- 2) Mengetahui maklumat yang kerap dibaca oleh belia; dan
- 3) Mengetahui faktor kepercayaan terhadap akhbar.

PERANAN AKHBAR MEMBENTUK BELIA BERWAWASAN

Kepelbagaian Maklumat

Negara akan memasuki era negara maju dalam tempoh tujuh tahun lagi, pada tahun 2020. Angka ini amat bermakna kepada rakyat Malaysia kerana pada tahun tersebut negara akan menjadi sebuah negara maju berdasarkan perancangan Wawasan 2020. Bagi mencapai dan melaksanakan wawasan tersebut, negara memerlukan masyarakat yang berpengetahuan. Mereka sudah pastinya terdiri daripada belia yang ada pada masa kini. Mereka seharusnya memiliki pengetahuan yang tinggi, lengkap dan bermaklumat agar sembilan cabaran di dalam Wawasan 2020 berjaya dicapai. Di sinilah letaknya peranan akhbar dengan menerbitkan maklumat yang berbagai-bagai. Kajian menunjukkan akhbar di Malaysia sarat dengan maklumat. Antaranya, perkembangan semasa dalam negara (Mior Kamarul, 2006), berita sukan dan hiburan (Mohd Asri, 2002), isu alam sekitar seperti pengurusan hutan, air, tenaga dan sisa (Mohd Yusof, 2010), maklumat penyakit kanser (Len- Rios, Cohen, & Caburnay, 2010), dan ekonomi (Raeymaeckers, 2004; Riffe & Reader, 2007). Maklumat-maklumat ini jika dibaca akan meluaskan pengetahuan dan kesedaran tentang sesuatu isu (De Waal, Schönbach & Lauf), membantu belia menjadi insan yang mempunyai nilai sivik yang tinggi, bertoleransi dan rapat dengan komuniti (Jeffres, 2007) dan mengetahui perkembangan yang berlaku di sekitar mereka (Tan, 1998).

Walaupun akhbar memuatkan pelbagai kandungan maklumat, namun golongan belia hanya memilih dan membaca bahan yang tertentu sahaja. Sebagai contoh, kajian Samsudin (1994); dan Ab.Halim dan Zarin (2009), mendapati golongan belia cenderung membaca berita hiburan seperti informasi muzik terkini, kisah sensasi dan gaya hidup artis (Johansson, 2008), dan fesyen terkini (Armstrong, Keum & Clair, 2003). Malah terdapat juga segelintir belia yang hanya memberi tumpuan terhadap berita politik dan pentadbiran negara sahaja (Mohd Nasir, 2008). Apabila mereka hanya menumpukan kepada berita tertentu sahaja, maka kesan daripada itu menyebabkan mereka ketinggalan mengenai maklumat yang lain. Keadaan yang demikian juga menyebabkan mereka akan hanya mahir mengenai sesuatu maklumat sahaja. Sedangkan untuk menjadi belia yang bermaklumat dan berwawasan mereka mestilah seorang yang berpengetahuan dalam semua perkara. Belia yang bijak harus

membaca dan memanfaatkan setiap maklumat dalam akhbar. Apabila memiliki maklumat mudah bagi mereka untuk menjana ilmu tersebut untuk kebaikan.

Penulisan yang Berkualiti

Peranan akhbar juga dapat membantu melahirkan belia yang bermaklumat dan berwawasan menerusi penulisan yang berkualiti. Wartawan harus bijak mengolah berita dan rencana untuk menarik minat mereka membaca maklumat tersebut. Ini adalah kerana melalui berita tersebut maklumat akan dicapai oleh mereka. Dalam pada masa yang sama akan menjadikan mereka kaya maklumat. Seterusnya apabila wartawan mahir menulis belia akan lebih gemar membaca kandungan tersebut sebagai tanda penerimaan mereka terhadap akhbar. Menurut Mohd Sidin (1999), dalam penulisan kewartawanan yang bermutu, perlu dielak daripada dipengaruhi oleh beberapa unsur yang akan melemahkan penulisan. Unsur-unsur tersebut ialah trivia iaitu perhatian kepada unsur luaran tanpa menyingkap signifikannya. Kedua, unsur stereotaip yang merujuk kepada laporan yang berulang tentang perkara yang sedikit kebenarannya tetapi umumnya adalah tidak benar. Ketiga, sensasi iaitu menumpukan kepada memenuhi selera. Keempat, propaganda iaitu memberi hujahan yang menarik minat tetapi menenggelamkan berita. Kelima, syarahan berupa nasihat secara berlebih-lebihan. Malah Itule dan Anderson (2007), berpendapat bahawa untuk menghasilkan penulisan yang baik terdapat empat syarat yang perlu dijadikan panduan oleh wartawan. Pertama, bersifat semasa iaitu berkait dengan kejadian yang baharu atau yang sedang berlaku. Kedua, elemen konflik iaitu kejadian itu mengisahkan konflik antara manusia dengan institusi. Ketiga, kesan iaitu merujuk pada kesan yang ditimbulkan oleh wartawan dalam penulisan mereka dari segi emosi dan sosial pembaca. Keempat, daya tarikan iaitu penulisan wartawan itu mengandungi elemen unik yang dapat menarik pembaca.

Sesungguhnya untuk menghasilkan penulisan yang baik dan bermutu banyak aspek perlu diambil kira seperti unsur kebenaran, kesan kepada pembaca, keunikan dalam pengolahan berita supaya maklumat itu menarik untuk dibaca. Apabila penulisan bermutu dihasilkan, maklumat yang dibaca itu akan mempengaruhi pengetahuan mereka yang akhirnya membantu mereka dalam bidang pengajaran dan pembelajaran.

Kebolehpercayaan Maklumat

Peranan ketiga akhbar yang boleh membantu menjadikan belia berwawasan dan bermaklumat adalah dengan menekankan faktor kebolehpercayaan dalam maklumat yang diterbitkan. Kebolehpercayaan adalah sesuatu yang diyakini oleh seseorang hasil tindakan daripada pihak lain (Flavian & Guinaliu, 2006). Jika dikaitkan definisi ini dengan akhbar menunjukkan bahawa akhbar akan diterima jika menerapkan elemen kebolehpercayaan. Ini kerana, faktor kebolehpercayaan berupaya mempengaruhi jangka hayat penerbitan akhbar sama ada terus hidup atau berkubur. Gaziano dan McGrath (1986), mendapati bahawa elemen kebolehpercayaan terdiri daripada faktor kredibiliti, faktor kesejahteraan berita terhadap masyarakat dan faktor

keprihatinan sosial yang ditunjukkan oleh akhbar kepada pembaca. Meyer (1988), pula mendapati dalam kajiannya bahawa kebolehpercayaan maklumat dipengaruhi oleh faktor adil, tidak berat sebelah, lengkap, tepat dan kredibiliti yang ada dalam setiap kandungan berita. Penerimaan pembaca terhadap akhbar juga diukur dengan tahap ketepatan, kredibiliti, bias, adil, objektif dan sensasi kandungan akhbar untuk bacaan khalayak (Sundar, 1998). Manakala Johnson dan Kaye (1998), melaporkan bahawa kepercayaan, adil, tepat dan maklumat yang dikupas dengan mendalam menarik perhatian pembaca untuk membaca berita tersebut. Sikap untuk menerima juga dipengaruhi oleh cara penyampaian berita, berita yang dilaporkan tidak ditokok tambah, ketepatan berita dan berita tidak bersifat bias (Beaudoin & Thorson, 2002). Malah Kohring dan Matthes (2007), telah membentuk instrumen yang mengukur faktor kepercayaan dalam media. Dalam soal selidik tersebut faktor kepercayaan dalam media terbahagi kepada empat faktor iaitu pemilihan topik, pemilihan fakta, kebenaran berita dan penilaian wartawan. Di sinilah letaknya peranan institusi akhbar. Mereka berkuasa untuk menentukan dan membekalkan maklumat yang tinggi nilai kebolehpercayaannya bagi pemberitaan. Ini adalah kerana melalui elemen tersebut sahaja akan mempengaruhi khalayak pembaca.

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi kaedah tinjauan menggunakan borang soal selidik. Soal selidik ini telah diadaptasi daripada instrumen *Measuring the Concept of Credibility* (Gaziano dan McGrath, 1986), dan instrumen *Trust in News Media* (Kohring & Matthes, 2007) dengan penambahbaikan oleh penyelidik. Penggunaan borang soal selidik adalah baik kerana; Pertama; data mudah untuk dikumpul, sesuai untuk gambaran sebenar persoalan dan bilangan responden yang ramai dapat diadakan (Othman & Hanisah, 2011). Kedua; mudah untuk ditadbir oleh penyelidik dan dijawab oleh responden (Sivo, Saunders, Chang, & Jiang, 2006).

Subjek kajian pula meliputi belia yang merupakan murid-murid daripada pelbagai kaum berumur di antara 15 tahun hingga 18 tahun. Umur ini adalah menepati definisi belia yang dikeluarkan oleh Kementerian belia dan Sukan Malaysia. Mereka telah dipilih daripada jumlah murid seramai 4,501 (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009) yang belajar di 10 buah sekolah menengah kebangsaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Belia dipilih sebagai responden kajian atas beberapa sebab. Pertama, mereka merupakan kumpulan umur yang paling ramai membaca akhbar berbanding kumpulan umur dewasa dan kanak-kanak. Berpandukan laporan Nielsen (2008), bahawa 54 peratus pembaca akhbar di Malaysia adalah terdiri daripada belia berumur di antara 15 tahun hingga 24 tahun. Kedua, belia merupakan jumlah penyumbang terbanyak jumlah populasi rakyat Malaysia iaitu 2,601,145 orang (Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara, 2008). Maka wajar kajian dijalankan terhadap mereka. Daripada 4,501 (murid-murid berumur 16 hingga 17 tahun) populasi, penentuan saiz sampel adalah berasaskan formula Taro Yamane (1967). Berpandukan

jawapan daripada formula tersebut, penyelidik telah mengedarkan sebanyak 387 set borang soal selidik kepada responden. Setelah memilih jumlah saiz sampel, pengkaji telah memilih dua kaedah pensampelan untuk menentukan jumlah sekolah yang terlibat dalam kajian ini. Teknik tersebut adalah pensampelan rawak mudah dan pensampelan bertujuan.

Menurut Chua (2006), melalui prosedur pensampelan rawak mudah, setiap unit atau subjek dalam populasi mempunyai peluang yang sama untuk dipilih sebagai responden kajian. Justeru, daripada 93 populasi sekolah yang terdapat di Kuala Lumpur, sebanyak 10% sampel sekolah diambil secara rawak mudah menjadikan jumlahnya adalah 10 buah sekolah. Selain daripada pensampelan rawak mudah, pensampelan kedua yang dipilih ialah pensampelan bertujuan. Patton (2002), menyatakan bahawa melalui pensampelan bertujuan penyelidik memilih responden berdasarkan beberapa kriteria yang ditetapkan. Dalam penyelidikan ini tiga kriteria telah ditetapkan oleh penyelidik iaitu: Pertama; Responden terdiri daripada murid-murid berbilang kaum yang berumur di antara 15 tahun hingga 18 tahun. Kedua; Responden terdiri daripada murid-murid yang bersekolah dalam Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Ketiga; Sebelum penyelidik mengedarkan soal selidik, responden ditanya terlebih dahulu mengenai akhbar yang dibaca.

Responden yang memberi pengakuan bahawa membaca satu daripada lima jenis akhbar utama yang menunjukkan jumlah edaran harian yang tinggi iaitu Harian Metro, Utusan Malaysia, Berita Harian, The Star dan The New Straits Time layak untuk menjawab soal selidik secara sukarela. Akhirnya, bagi menguji objektif kajian, kaedah statistik deskriptif telah diaplikasikan. Ia digunakan untuk mengenal pasti nilai peratusan, min, purata dan sisihan piawai yang menjadi teras utama dalam prosedur statistik deskriptif (May, 2004).

HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Profil Kaum

Dapatan kajian di Jadual 1 menunjukkan dua pertiga daripada responden (66.2%) terdiri daripada kaum Melayu. Ini diikuti kaum Cina seramai (21.4%), India (11.6%) dan lain-lain (0.8%).

Jadual 1: Taburan Responden Mengikut Demografi (n=387)

Profil	Kekerapan	Peratusan
Kaum		
Melayu	256	66.2
Cina	83	21.4
India	45	11.6
Lain-lain	3	0.8

Isu yang Kerap Diterbitkan Di Dalam Akhbar

Isu-isu yang kerap diterbitkan di muka hadapan akhbar dalam tempoh seminggu turut ditanya kepada sampel kajian. Semua item yang mengukur persoalan isu yang kerap diterbitkan dalam akhbar menggunakan skala empat mata dengan skor 1=tidak pernah, 2=kadang-kadang, 3=kerap kali dan 4=selalu. Kekekrapan tersebut telah dikategorikan kepada rendah, sederhana dan tinggi. Pembahagian skor bagi setiap tahap menggunakan pendekatan statistik berdasarkan kepada nilai cut point seperti di Jadual 2. Skor min tertinggi menunjukkan selalu diterbitkan, sederhana pula merujuk kepada kerap kali diterbitkan dan skor terendah pula kadang-kadang diterbitkan. Jumlah skor yang diperoleh dapat menentukan tahap kecenderungan tindak balas responden dalam setiap persoalan kajian (Mohd Najib,1999).

Jadual 2: Skor Pengukuran

Tahap	Skor Min
Rendah	1.00 – 1.99
Sederhana	2.00 – 2.99
Tinggi	3.00 – 4.00

Melalui Jadual 3, pelajar Melayu berpendapat bahawa isu yang tinggi kerap diterbitkan dalam akhbar ialah isu jenayah dengan skor min 3.57. Remaja Cina dan India juga mempunyai pendirian yang sama dengan pelajar Melayu. Mereka sependapat bahawa isu yang selalu diterbitkan adalah isu jenayah dengan skor min 3.18 dan 3.06. Pelajar daripada kalangan lain-lain kaum juga menyatakan perkara yang sama. Akhbar di Malaysia kerap mengutamakan isu jenayah (skor min 3.33) berbanding isu-isu yang lain seperti isu sosial/kemasyarakatan, sukan, sains dan teknologi yang sederhana penerbitannya. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa isu jenayah selalu diterbitkan dalam akhbar.

Jadual 3: Skor Min Kekekrapan Isu Diterbitkan di dalam Akhbar mengikut Pandangan Setiap Kaum (n=387)

Isu	Min (kali/minggu) dan Sisihan Piawai							
	Melayu	SP	Cina	SP	India	SP	Lain-lain	SP
Jenayah	3.57	0.74	3.18	0.85	3.06	0.71	3.33	0.57
Sosial/kemasyarakatan	2.85	1.09	2.57	1.24	2.75	0.88	3.33	0.57
Hiburan	2.58	1.02	3.03	1.26	2.57	1.09	2.33	0.57
Sukan	2.53	1.08	2.34	1.06	2.33	0.82	2.66	1.15
Sains & teknologi	2.38	0.84	2.21	1.09	2.20	0.62	2.00	0.00
Politik	2.50	0.96	2.14	1.23	2.35	0.74	2.33	0.57
Alam sekitar	2.38	0.68	1.61	0.69	2.60	0.83	2.66	0.57
Kesihatan	2.12	0.83	2.02	0.89	2.48	0.72	2.00	0.00
Ekonomi	2.18	0.78	1.98	1.01	2.71	0.66	2.00	1.00
Kebudayaan	2.10	0.87	1.86	0.83	1.64	0.80	2.00	0.00
Pendidikan	2.02	0.72	1.80	0.63	2.17	0.80	2.00	0.00
Agama	2.08	0.76	1.60	0.51	1.75	0.77	2.00	0.00
Lain-lain	1.27	0.77	1.15	0.45	1.04	0.20	1.00	0.00

Maklumat yang Kerap Dibaca oleh Belia

Responden juga turut ditanya tentang jenis berita yang kerap dibaca oleh mereka dalam seminggu. Semua item yang mengukur persoalan tersebut menggunakan skala empat mata dengan skor 1=tidak pernah, 2=kadang-kadang, 3=kerap kali dan 4=selalu. Kekeperan tersebut telah dikategorikan kepada rendah, sederhana dan tinggi. Pembahagian skor bagi setiap tahap menggunakan pendekatan statistik berdasarkan kepada nilai cut point seperti di Jadual 2. Skor min tertinggi menunjukkan belia selalu membaca, sederhana pula merujuk kepada kerap kali dan skor terendah pula belia kadang-kadang membaca.

Berdasarkan hasil kajian, Jadual 4 menunjukkan bahawa berita hiburan dan berita jenayah menunjukkan skor min yang tinggi iaitu 3.39 dan 3.48 bagi kaum Melayu dan Cina. Mereka didapati selalu membaca berita tersebut iaitu tiga kali dalam seminggu. Namun, berbeza dengan kaum India. Jadual 4 menunjukkan bahawa mereka selalu membaca berita sukan berbanding hiburan dan jenayah apabila mencatatkan skor min yang tinggi iaitu 3.11 seminggu. Walau bagaimanapun, responden dalam kajian ini hanya kadang-kadang membaca berita ekonomi, lidah pengarang sastera, dan komentar apabila mencatatkan skor min yang rendah. Ini menunjukkan bahawa responden kajian membaca kandungan tersebut hanyalah sekali dalam seminggu. Seharusnya kandungan ini lebih kerap dibaca kerana membantu menambah pengetahuan mereka sebagai murid sekolah. Mereka bukan sahaja mengetahui perkembangan hiburan tanah air tetapi mahir dengan hal-ehwal semasa negara yang bersangkutan paut dengan ekonomi, politik dan sebagainya.

Jadual 4: Skor Min Kekeperan Membaca Jenis Berita Mengikut Kaum (n=387)

Isu	Min (kali/minggu) dan Sisihan Piawai							
	Melayu	SP	Cina	SP	India	SP	Lain-lain	SP
Hiburan	3.39	0.85	3.48	0.80	2.97	1.01	2.66	1.15
Jenayah	3.46	0.81	2.79	1.02	2.88	1.07	2.66	0.57
Sukan	3.07	0.98	2.65	0.84	3.11	0.77	2.66	1.15
Kesihatan	2.63	0.93	2.37	0.90	2.82	0.88	2.00	0.00
Kartun	3.04	1.04	2.16	1.02	2.84	1.08	2.66	1.52
Rancangan TV	2.86	1.05	2.96	0.96	3.04	1.18	1.66	0.57
Sains & Teknologi	2.64	0.93	2.55	1.00	2.44	0.84	2.00	0.00
Pendidikan	2.46	0.87	1.92	0.69	2.57	0.65	2.33	0.57
Agama	2.60	0.91	1.44	0.52	1.93	0.78	2.33	0.57
Sosial & kemasyarakatan	2.76	1.03	1.72	0.77	2.51	0.92	3.00	0.00
Keluarga	2.19	0.88	1.91	0.76	2.33	0.73	2.33	0.57
Kebudayaan	2.14	0.82	1.46	0.50	2.15	0.70	2.00	1.00
Sastera	1.98	0.85	1.36	0.48	2.35	1.31	1.33	0.57
Iklan	2.30	0.92	2.39	0.84	2.60	0.98	2.66	1.15
Sisipan	2.01	0.87	1.14	0.44	1.26	0.44	1.66	1.15
Ekonomi	1.98	0.79	1.84	0.89	2.15	0.67	2.00	0.00
Mahkamah	1.71	0.80	1.46	0.96	2.08	0.70	1.66	0.57

Isu	Min (kali/minggu) dan Sisihan Piawai							
	Melayu	SP	Cina	SP	India	SP	Lain-lain	SP
Lidah pengarang	1.91	0.85	1.54	0.66	1.44	0.50	1.33	0.57
Rencana	2.19	0.85	1.43	0.49	1.33	0.56	1.33	0.57
Politik	2.01	0.88	1.51	0.57	1.68	0.59	2.00	0.00
Forum	2.03	0.79	1.46	0.57	1.60	0.53	1.66	0.57
Lain-lain	1.21	0.52	1.25	0.65	1.06	0.25	0.9	0.00
Komentaar	1.77	0.71	1.33	0.47	1.33	0.52	1.66	1.15

Faktor Kebolehppercayaan Di Dalam Akhbar

Faktor kebolehppercayaan merujuk kepada kredibiliti, kesejahteraan masyarakat, kepentingan sosial, pemilihan topik, pemilihan fakta, ketepatan berita dan penilaian wartawan. Semua item tersebut diukur menggunakan skala empat mata dengan skor 1=sangat tidak setuju, 2=tidak setuju, 3=setuju dan 4=sangat setuju. Faktor kebolehppercayaan tersebut telah dikategorikan kepada rendah, sederhana dan tinggi. Pembahagian skor bagi setiap tahap menggunakan pendekatan statistik berdasarkan kepada nilai cut point seperti di Jadual 5. Jumlah skor min tertinggi menunjukkan banyak faktor kepercayaan dalam kandungan akhbar, sederhana pula merujuk kepada mengandungi faktor kepercayaan dan skor min terendah pula menunjukkan akhbar kurang mengandungi faktor kepercayaan yang akan mempengaruhi penerimaan remaja.

Jadual 5: Pembahagian Skor Min Tahap Kepercayaan Terhadap Akhbar

Tahap	Skor Min
Rendah	1.00 – 2.05
Sederhana	2.06 – 2.52
Tinggi	2.53 – 4.00

Menerusi Jadual 6, analisis secara keseluruhan menunjukkan nilai skor adalah tinggi iaitu 2.66. Penemuan kajian menunjukkan bahawa banyak faktor kepercayaan dalam kandungan akhbar. Dalam pada masa yang sama, kajian diteruskan sama ada akhbar mengandungi elemen-elemen yang dipercayai atau tidak. Jadual 6 menunjukkan bahawa elemen pemilihan fakta umpamanya menunjukkan tahap skor min yang tinggi dengan nilai 3.20. Ia membawa maksud bahawa banyak elemen pemilihan fakta diamalkan di dalam kandungan akhbar. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa akhbar mementingkan fakta yang mempengaruhi belia untuk mempercayai dan menerimanya. Maklumat berfakta merujuk kepada penulisan yang mengandungi fakta yang penting, menekankan fakta penting dan fakta itu dianalisis dari pelbagai sudut pandangan tokoh-tokoh tertentu. Maklumat berfakta adalah seperti maklumat kesihatan dan penyakit kanser (Len-Rios et al. 2010), dan ekonomi (Raeymaeckers, 2004; Riffe & Reader, 2007), yang tidak boleh diputarbelitkan. Sekiranya dimanipulasi

maklumat berkaitan jenis-jenis penyakit dan ubatan misalnya akan memberi kesan kurang baik kepada pengguna.

Seterusnya, dapatan kajian menunjukkan akhbar di Malaysia mempunyai kredibiliti yang tinggi dengan mencatatkan nilai skor min 2.68. Ia membawa maksud bahawa akhbar banyak menawarkan elemen kredibiliti dalam kandungan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa setiap kandungan akhbar sama ada berita dan rencana mempunyai elemen kredibiliti seperti yang disarankan oleh Gaziano dan McGrath (1986). Apabila akhbar adalah berkredibiliti maka ia diterima oleh remaja. Justeru, temuan kajian ini menolak kajian Johnson dan Kaye (2002), bahawa kandungan berita dan maklumat di dalam Internet mempunyai lebih kredibiliti berbanding akhbar.

Jadual 6: Skor Min Tahap Kepercayaan Mengikut Dimensi

Dimensi Kepercayaan	Min	Sisihan Piawai
Pemilihan fakta	3.20	0.17
Pemilihan topik	2.86	0.44
Kebenaran berita	2.86	0.53
Kredibiliti	2.68	0.25
Kesejahteraan masyarakat	2.59	0.26
Keprihatinan sosial	2.49	0.29
Penilaian wartawan	1.89	0.86
Keseluruhan	2.66	0.25

Nota: Rendah (1.00-2.05), Sederhana (2.06-2.52), Tinggi (2.53-4.00)

Berdasarkan hasil kajian dapat disimpulkan bahawa akhbar banyak mengandungi elemen-elemen kepercayaan seperti pemilihan fakta, pemilihan topik, kebenaran berita, kredibiliti dan kesejahteraan masyarakat.

RUMUSAN DAN CADANGAN

Akhbar merupakan sumber maklumat yang menerbitkan pelbagai maklumat seperti berita hiburan, jenayah, politik, lidah pengarang dan sebagainya. Namun hasil kajian menunjukkan bahawa akhbar pada hari ini dilihat domain kepada satu-satu berita untuk satu-satu kelompok pembaca sahaja. Akhbar dilihat lebih mengutamakan berita hiburan dan jenayah untuk menarik perhatian pembaca. Seharusnya akhbar tidak menjurus kepada penerbitan berbentuk hiburan dan jenayah semata-mata.

Akhbar harus menerbitkan lebih banyak berita dan rencana yang dapat menajamkan minda dan meningkatkan pengetahuan pelajar agar menjadi belia yang bermaklumat dan berwawasan. Tetapi ia haruslah dipelbagaikan cara pengolahannya. Sebagai contoh, isu dalam berita ekonomi ditonjolkan melalui peta minda, permainan dan sebagainya untuk menarik perhatian pelajar membaca akhbar. Manakala di

pihak pembaca belia pula, hasil kajian menunjukkan bahawa belia masa kini kerap membaca berita hiburan dan berita jenayah sahaja. Seharusnya mereka mengambil manfaat daripada kepelbagaian maklumat dalam akhbar. Pertama, mereka harus bijak memilih dan membaca berita dan rencana yang sesuai dengan mereka. Pemilihan bahan yang sesuai membantu membentuk kognitif dan kemahiran insaniah mereka.

Kedua, walaupun mereka disajikan dengan berita-berita tersebut belia harus memberi tumpuan terhadap maklumat yang lebih mendatangkan manfaat kepada mereka secara keseluruhannya. Ini adalah kerana dalam akhbar tetap ada maklumat yang berguna selain daripada hiburan dan jenayah seperti lidah pengarang, forum, komentar, kemasyarakatan, agama dan sebagainya. Seharusnya maklumat tersebut diberikan lebih perhatian untuk mereka menjana ilmu kepemimpinan.

Juga dapat disimpulkan melalui hasil kajian ini, akhbar banyak mengandungi elemen-elemen kepercayaan iaitu pemilihan fakta, pemilihan topik, kebenaran berita, kredibiliti dan kesejahteraan masyarakat sahaja. Seharusnya kesemua elemen yang dikaji terdapat dalam kandungan akhbar. Maka matlamat asal akhbar untuk menyebarkan pelbagai maklumat yang lengkap akan tercapai. Maklumat tersebut bukan sahaja dapat membentuk belia bermaklumat dan berwawasan malah maklumat yang dipercayai faktanya.

RUJUKAN

- Ab. Halim Tamuri dan Zarin Ismail. 2009. Hubungan antara pegangan nilai moral dengan media massa: Tinjauan ke atas remaja Melayu luar bandar." *Sari* 27: 199-212.
- Aminudin Basir Ahmad, Mohamad Basri Haron dan Nik Yusri Musa. 2009. Kebebasan media komunikasi menurut perspektif Islam." *Jurnal Hadhari* 2: 65-82.
- Armstrong, Cory., Keum, Heejo., & Clair, Denise. 2003. *Orientations and motivations behind the use of tabloids*. Kertas kerja yang dibentangkan di annual meeting of the International Communication Association, Marriott Hotel, San Diego, CA, May 27.
- Beaudoin, Christopher., and Thorson, Esther. 2002. Journalist, public differ on perception of media coverage." *Newspaper Research Journal* 23, no. 4:52-61.
- Chua Yan Piaw. 2006. *Kaedah penyelidikan*. Kuala Lumpur: McGraw Hill.
- De Waal, Ester., Schönbach, Klaus., and Lauf, Edmund. 2005. Online newspapers: A substitute or complement for print newspapers and other information channels?" *The European Journal of Communication Research* 30, no.1 55-72.

- Flavian, Carlos., & Guinaliu, Miquel.2006. Consumer trust, perceived security and privacy policy. Three basic elements of loyalty to a web site.” *Industrial Management & Data Systems* 106, no. 5: 601-620.
- Gaziano, Cecilie., & McGrath, Kristin. 1986. Measuring the concept of credibility.” *Journalism Quarterly* 63, no.3: 451-463.
- Graybeal, Geoffrey. 2011. Newspapers publish less in print; focus on web to attract young readers.” *Newspaper Research Journal* 32, no.1 90-97.
- Heflin, Kristen. 2010. The future will be televised: Newspaper industry voices and the rise of television news.” *American Journalism* 27, no. 2: 87-110.
- Huang, Edger. 2009. The causes of youths’ low news consumption and strategies for making youths happy news consumers.” *Convergence* 15, no. 1: 105-122.
- Itule, Bruce., and Anderson, Douglas. 2007. *News writing and reporting for today’s media* (7th ed.). Boston: McGraw-Hill.
- Jafre Zainol Abidin, Pour-Mohammadi Majid & Anita Jesmin. 2011. A survey of online reading habits of rural secondary school students in Malaysia.” *International Journal of Linguistics* 3, no.1: 1-18.
- Jeffres, Leo. 2007. Newspaper reading supports community involvement.” *Newspaper Research Journal* 28, no.1: 6-23.
- Johansson, Sofia. 2008. Gossip, sport and pretty girls.” *Journalism Practice* 2, no. 3: 402-413.
- Johnson, Thomas, and Kaye, Barbara. 1998. Cruising is believing: Comparing internet and traditional sources on media credibility measures. *Journalism & Mass Communication Quarterly* 75, no. 2: 325-340.
- Johnson, Thomas, and Kaye, Barbara. 2002. Webelievability: A path model examining how convenience and reliance predict online credibility.” *Journalism & Mass Communication Quarterly* 79: 619-642.
- Kementerian Pelajaran Malaysia (emel mesej, 4 November 2009). *Bilangan murid tingkatan 4 dan 5 di Kuala Lumpur dan Putrajaya*.
- Kohring, Matthias., and Matthes, Jorg. 2007. Trust in news media: Development and validation of a multidimensional scale. *Communication Research* 34, no.2: 231-252.

- Lembaga Penduduk Pembangunan Keluarga Negara. 2008. Diakses daripada http://popnet.lppkn.gov.my/popnetv2?Public?public_report_list.aspx?mID=PKD300
- Len- Rios, Maria, Cohen, Elisia, and Caburnay, Charlene. 2010. Readers use black newspapers for health/cancer information. *Newspaper Research Journal* 31, no.1: 20-35.
- Martinson, Beverly, and Hindman, Douglas Blanks. 2005. Building a health promotion agenda in local newspapers. *Health Education Research* 20, no.1: 51-60.
- May, Henry. 2004. Making statistics more meaningful for policy research and program evaluation." *American Journal of Evaluation* 25, no. 4: 525-540
- McQuail, Denis. 2005. *Mass communication theory* (5th ed.). Beverly Hills, CA: Sage Publications.
- Meyer, Philip. 1988. Defining and measuring credibility of newspapers: Developing an index". *Journalism Quarterly* 65, no.3: 567-574.
- Mior Kamarul Shahid. 2006. *Media massa dan peningkatan daya intelektual bahasa dan kebudayaan kebangsaan*. Diakses pada 2 Februari 2011, daripada <http://www.kongresbahasa.org/wp-content/uploads/2006/11/053.pdf>.
- Mohd Asri Mohamad. *Pengaruh golongan elit pemerintah dalam pemaparan berita-berita etnik. Analisis kandungan terhadap pelaporan berita akhbar utusan malaysia dan berita harian sejurus sebelum dan selepas pilihanraya umum ke-10 Malaysia*. (Latihan ilmiah yang tidak diterbitkan). Universiti Sains Malaysia, Minden, Pulau Pinang, 2002.
- Mohd Khairie Ahmad, Mohd Baharudin Hadza, Suhaini Muda, dan Mohd Hafidz Hussein. 2005. *Kredibiliti berita akhbar televisyen, radio dan berita dalam talian*. Laporan Penyelidikan Geran Universiti. Sintok: Fakulti Komunikasi dan Bahasa Moden, Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Nasir Ibrahim. 2008. Persepsi pelajar institusi pengajian tinggi terhadap pilihan raya umum ke-12. Dalam *Prosiding Seminar Politik Malaysia, Sabah, 28-30 Oktober, 2008* (ms.434-443). Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti (UPENA).
- Mohd Sidin Ahmad Ishak. 1999. *Ketrampilan menulis*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Yusof Othman. 2010. Media dan isu alam sekitar." *Jurnal Hadhari* 2: 1-17.

- Nielsen Company. 2008. *Mainstream media continues to lead Malaysia's media scene*. Diakses daripada <http://my.acnielsen.com/news/20081023.shtml>.
- Othman Md Johan dan Hanisah Hamdan. 2012. *Faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan profesion keguruan di kalangan pelajar-pelajar Jabatan Pendidikan Teknikal Kejuruteraan*. Diakses pada 12 Januari 2012 daripada <http://eprints.utm.my/11752/1/Faktor.pdf>, 2011.
- Patton, Michael Quinn. 2002. *Qualitative evaluation and research methods* (3rd ed.). Thousand Oaks, CA: Sage Publications.
- Raeymaeckers, Karin. 2004. Newspaper editors in search of young readers: Content and layout strategies to win new readers." *Journalism Studies* 5, no. 2: 221-232.
- Riffe, Daniel., and Reader, Bill. 2007. Most rely on newspapers for local business news." *Newspaper Research Journal* 28, no. 2: 82-98.
- Samsudin A. Rahim. 1994. *Tingkah laku lepak di kalangan remaja*. Kuala Lumpur: Kementerian Belia dan Sukan Malaysia.
- Siti Rodziah Nyan. 2009. *Akhbar saudara: Pencetus kesedaran masyarakat Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sivo, Stephen, Saunders, Carol., Chang, Qing., and Jiang James. 2006. How low should you go? Low response rates and the validity of inference in IS questionnaire research." *Journal of the Association for Information Systems* 7, no. 6: 351-414.
- Sundar, Shyam. 1998. Effect of source attribution on perception of online news stories. *Journalism and Mass Communication Quarterly* 75, no.1: 55-68.
- Tan Teck Seng. 1998. *Penggunaan media bercetak oleh guru pelatih di pusat sumber maktakb perguruan*. (Tesis master yang tidak diterbitkan). Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Taro Yamane. 1967. *Elementary sampling theory*. Englewood Cliffs, NJ: Prentice-Hall.
- Yahya Othman dan Wan Mat Sulaiman. 2011. Budaya dan strategi membaca dalam pembentukan karektor guru di Brunei Darussalam. *SOSIOHUMANIKA* 4, no. 2: 301 – 312.

Profil Penulis:

*Akmar Hayati Ahmad Ghazali, PhD
Pensyarah Kanan
Jabatan Komunikasi
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia (UPM).*

*Siti Zobidah Omar, PhD
Profesor Madya
Jabatan Komunikasi
Fakulti Bahasa Moden Dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia (UPM).*

*Latifah Abd Latib
Pensyarah
Fakulti Sains Komputer Dan Teknologi Maklumat
Universiti Selangor (UNISEL).*